

Headline	25 spesies tumbuhan ubatan dikenal pasti untuk prototaip		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	20 Dec 2016	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A11	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	125 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 405
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,215



25 spesies tumbuhan ubatan dikenal pasti untuk prototaip

KUALA LUMPUR: Sebanyak 25 spesies daripada 500 tumbuhan ubatan dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai produk prototaip yang boleh dikomersialkan, sidang Dewan Negara diberitahu semalam.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Hamim Samuri berkata spesies itu kini dianalisis dan diuji oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

(FRIM).

“Ujian itu antara lain meliputi fitokimia (ujian kimia), penentusahkan aktiviti biologi, antidiabetik, antioksidan, antimikrob, antikanser, antiprotozal dan tahap keselamatan,” katanya.

Beliau menjawab soalan asal Senator Isa Ab Hamid mengenai usaha mempaten produk herba Orang Asli oleh FRIM dan jumlah produk

dikomersialkan.

Hamim berkata untuk rekod, dua produk prototaip ‘Semelai Secret’ daripada pengetahuan tradisi kaum Semelai telah dibangunkan berdasarkan projek perintis pada tahun 2013 hingga 2014.

Tiga produk prototaip ‘Pengloy Semai’ daripada pengetahuan tradisi kaum Semai telah dibangunkan dari tahun 2014 hingga tahun ini, katanya sambil menambah,

FRIM juga telah mendokumentkan pengetahuan tradisi 17 daripada 18 subetnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Hamim berkata aktiviti dokumentasi itu adalah satu daripada inisiatif bagi memelihara pengetahuan tradisi Orang Asli berkaitan tumbuhan ubatan yang mempunyai nilai ekonomi dan menghalang kecurian bio dan salah guna. — Bernama